



Issu - isu
**Pembangunan
Komuniti
Luar Bandar**
di Malaysia

Editor:

Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh & Novel Lyndon

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia
©UTS Publisher, 2022

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in Publication Data

Isu-Isu Pembangunan Komuniti di Luar Bandar Malaysia / editor Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh dan Novel Lyndon

ISBN 978-629-97288-0-1

1. Isu-Isu. 2. Pembangunan Komuniti. 3. Luar Bandar. 4. Malaysia.
I. Salfarina Abdul Gapor. II. Daniel Ugih Echoh. III. Novel Lyndon

UTS Publisher
University of Technology Sarawak (UTS)
No 1 Jalan Universiti
96000 Sibu, Sarawak, Malaysia.

Editor Naskhah: Salfarina Abdul Gapor
Pereka Bentuk Kulit Buku: Nur Azura Mohamad
Pembaca Pruf: Daniel Ugih Echoh & Salfarina Abdul Gapor
Pengatur Huruf: Nur Azura Mohamad
Pewasit: Sarjit Singh Gill
Dicetak oleh: Vicskill Printing Sdn. Bhd.
RM 50.00

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia

Editor

Salfarina Abdul Gapor
Universiti Teknologi Sarawak

Daniel Ugih Echoh
Universiti Malaysia Sarawak

dan

Novel Lyndon
Universiti Kebangsaan Malaysia



Bab 9

PERANAN ADAT DAN PENGETAHUAN TEMPATAN UNTUK MELESTARIKAN AKTIVITI PENANAMAN RUMBIA DI SARAWAK

*Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh,
Haris Fadzilah Abdul Rahman*

PENGENALAN

Penanaman rumbia bukan sahaja merupakan penjana sosio-ekonomi utama bagi kaum Melanau, malahan proses pertaniannya juga dipengaruhi oleh sistem sosio-budaya Melanau dan persepsi alam sekitar mereka. Rumbia merupakan tanaman utama kaum Melanau di Sarawak, yang mana telah terlibat dalam penanaman dan pengurusan agroekosistem kebun rumbia berabad-abad untuk mengeluarkan hasil sagu yang berterusan dan mapan untuk jangka masa yang lama. Rumbia bukan sahaja berperanan sebagai makanan dan pendapatan, tetapi juga merupakan titik tumpuan sistem sosio-budaya kaum Melanau. Dari segi sejarah, hasil dari rumbialah yang menarik pedagang luar ke Sarawak, terutama ke Mukah, Oya dan Dalat. Rumbia pada asalnya dihasilkan sebagai tanaman sara hidup dan makanan ruji kaum Melanau. Namun rumbia bertukar menjadi tanaman kontan, apabila hasilnya ditingkatkan untuk memenuhi permintaan dari luar, sehingga menjadikan rumbia sebagai tanaman yang mempunyai nilai tinggi. Hasil rumbia pernah di bawah kawalan Kesultanan Brunei dan dibayar sebagai penghormatan kepada Sultan (Morris, 1991). Di bawah pemerintahan Keluarga Brooke pada pertengahan abad kesembilan belas telah membuka ruang kepada kaum Melanau untuk berdagang hasil rumbia ke peringkat pasaran dunia. Semenjak itu, rumbia menjadi tanaman kontan, dan kebergantungan kaum Melanau terhadap hasil rumbia semakin ketara. Pergantungan ini menyebabkan komuniti Melanau menjadi antara kaum yang dilanda kemiskinan apabila harga pasaran dunia tepung sagu merudum jatuh selepas Perang Dunia Kedua (Morris, 1991). Pada tahun 1970-an, kerajaan negeri memperkenalkan skim subsidi rumbia melalui Jabatan Pertanian, untuk meningkatkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan kaum Melanau.

Ia juga digubal untuk memenuhi peningkatan permintaan tepung sagu dari Jepun. Skim subsidi ini termasuk bekalan bahan kimia untuk meningkatkan pengeluaran sagu (seperti racun serangga dan baja kimia) dan kaedah penanaman baru menurut tatacara moden yang disarankan, berdasarkan hasil penyelidikan Jabatan Pertanian dengan tujuan untuk meningkatkan hasil dan pendapatan pekebun kecil rumbia (Abdul Gapor, 2001). Penglibatan penduduk kampung yang bekerja dengan industri pembalakan juga mempengaruhi cara menebang rumbia, di mana gergaji rantai digunakan untuk mengganti kaedah lama menggunakan kapak (Abdul Gapor, 2001). Kaedah penanaman rumbia telah berubah, amalan adat dan pantang-larang serta pengetahuan tempatan sebagai panduan dalam penanaman rumbia dan pemprosesan sagu secara beransur-ansur semakin hakis. Walaupun alat-alat dan kaedah untuk menanam rumbia berubah, namun hasil sagu tidak juga meningkat. Penanam rumbia diperluaskan dengan penubuhan ladang komersial pada lewat tahun 1980-an oleh Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA), sebuah badan berkanun kerajaan negeri (Abdul Gapor, 2001). Malangnya, projek ladang rumbia tidak berjaya dan kini, tanaman kelapa sawit menggantikan rumbia. Dengan keadaan di mana pengetahuan tempatan semakin pupus dan dilupakan, tujuan bab ini adalah untuk mendokumentasikan amalan yang masih diamalkan oleh segelintir golongan kecil pekebun rumbia Melanau di Mukah, Dalat dan Oya.

PENGETAHUAN TEMPATAN

Konsep pengetahuan tempatan sama dengan istilah pengetahuan tradisional, pengetahuan peribumi, kearifan tempatan dan pengetahuan asli mengenai alam sekitar. Segelintir penulis menggunakan salah satu istilah sama ada pengetahuan asli atau pengetahuan tempatan (Dei et al, 2000, Semali & Kincheloe, 1999). Dalam bab ini, penulis menggunakan istilah pengetahuan tempatan. Menurut (Ylhaisi, 2003), pengetahuan tempatan turut ditakrifkan sebagai proses pembelajaran yang lama serta melibatkan proses cuba jaya melalui penyampaian lisan antara generasi. Pengetahuan tempatan ini mencakupi hampir keseluruhan sistem hidup komuniti (Pudillo & Bocco, 2003). Sementara Tella (2007) menyifatkan pengetahuan ini sebagai badan pengetahuan yang sistematik dan diperoleh oleh komuniti tempatan melalui pengalaman, uji kaji tidak formal dan berdasarkan pemahaman persekitaran mereka.

Manakala Nakata (2002) pula menjelaskan bahawa pengetahuan tempatan tidak terhad di kawasan asal pengetahuan tersebut malah ia dapat disebar dan dipindahkan melalui pedagang dan pengembara. Pengetahuan tempatan banyak diamalkan dalam kehidupan seharian komuniti luar bandar dalam aktiviti pertanian, perubatan, perikanan, perburuan, perbidanan, kraftangan dan pelbagai aktiviti lain. Dalam konteks pertanian, kegagalan sektor pertanian moden memelihara kemakmuran komuniti, mengatasi masalah serangan perosak, kemerosotan kualiti tanah dan sumber air serta isu kesihatan telah mendesak saintis untuk mengukur sama ada kaedah pertanian tradisional berasaskan pengetahuan tempatan menjawab masalah-masalah dalam pertanian moden (Rizwana & Lyaqet, 2011). Pemodelan dalam sektor pertanian menyebabkan petani hilang identiti dan menghakiskan amalan hidup yang berpandukan ilmu pengetahuan tempatan (Pulido dan Bocco, 2003).

KONSEP PENGETAHUAN TEMPATAN DAN ADAT KOMUNITI MELANAU


Adat merujuk kepada undang-undang tempatan, iaitu satu set peraturan yang ditentu, dipersetujui dan diamalkan secara berterusan oleh generasi sesuatu kaum dan dimanifestasikan dalam bentuk sekatan atau pantang larang (Gurreiro dalam Sutlive, 1993). Interpretasi kaum Melanau berkaitan adat adalah bersifat kompleks yang merangkumi “ide teratur atau tertib”, yang melibatkan pengaruh yang lebih luas daripada sekadar peraturan untuk amalan harian tetapi meluas kepada perspektif seluruh alam semesta (Morris, 1991). Hutterer et al. (1985) menggambarkan adat sebagai “aksiom kosmologi” yang menerangkan:

“..... sifat alam semesta, menempatkan manusia kepada tempatnya dan menentukan sumber dan tujuan kewujudannya. Aksiom kosmologi ini melibatkan kedua-dua prinsip eksplisit dan tersirat untuk tingkah laku dan tindakan yang bersifat umum (Hutterer et al., 1985: p.6).

Kaum Melanau tinggal di kawasan persekitaran hutan paya gambut, di mana rumbia adalah tanaman tempatan yang paling sesuai untuk ekologi tersebut. Kaum Melanau menjadikan rumbia sebagai tumbuhan yang memenuhi keperluan asas makanan mereka. Lama kelamaan, teknologi dalam penanaman rumbia telah berkembang dan mereka memperoleh pengetahuan yang unik tentang persekitaran mereka. Pengetahuan tempatan ini disebarkan dalam

bentuk budaya dan dikodifikasikan dalam sistem simbol seperti adat (Abdul Gapor, 2001). Terdapat dua fungsi adat, yaitu untuk memulihkan keseimbangan sosio-ekonomi dengan bertindak sebagai mekanisme pengawalan konflik dan untuk menentukan hubungan sosial dalam masyarakat (Gurreiro dalam Sutlive, 1993; Morris, 1991; Hutterer et al., 1985).

Dalam konteks adat, terdapat palei, yaitu satu sistem kawalan berbentuk pantang larang yang melibatkan peraturan agar tidak berlaku pelanggaran norma dan upacara. Morris (1991) mendefinisikan palei sebagai larangan tingkah laku yang tidak menepati adat resam dan nilai-nilai norma, yang berkaitan dengan kesalahan atau pelanggaran adat yang mengganggu keseimbangan alam sekitar dan adat-istiadat tempatan. *Palei* dipengaruhi adat komuniti Melanau yang dibentuk oleh sistem kepercayaan mereka. Menurut kepercayaan tersebut, kehidupan didiami tiga bentuk makhluk iaitu semangat, manusia dan spesies ekosistem lain seperti binatang dan tumbuhan.



Rajah 9.1: Sistem kepercayaan Melanau melalui Adat dan Palei
(Sumber: Abdul Gapor, 2001)

Komuniti Melanau tidak menganggap semangat-semangat sebagai Tuhan tetapi mereka mengiktiraf semangat tersebut wujud dan boleh membahayakan mereka (Amir, 1989; Morris, 1981). Mereka juga percaya bahawa semangat-semangat ini menghuni alam sekitar di kampung mereka. Komuniti Melanau menduduki peringkat kedua, manakala, haiwan dan tumbuhan di peringkat bawah. Manusia berada pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding haiwan dan tumbuh-tumbuhan, oleh itu, ada kecenderungan besar bagi manusia untuk membahayakan dan mengeksploitasi haiwan dan tumbuhan. Mengikut adat dan kepercayaan Melanau, manusia tidak seharusnya mengancam atau mengeksploitasi haiwan dan tumbuhan.

Jika berlaku, semangat yang berada di peringkat lebih tinggi akan memberi tindakbalas yang sama dengan membahayakan dan mengeksploitasi manusia. Hubungan tersebut adalah perhubungan yang menghubungkan ketiga-tiga peringkat yang membentuk asas sistem kepercayaan mereka. Untuk memastikan keamanan dan keharmonian antara semua makhluk, semua kumpulan di setiap peringkat tidak boleh membahayakan satu sama lain. Asas nilai kesederhanaan juga diperolehi daripada konsep menahan diri dari melampaui batas bila mengeksploit sumber alam sekitar mereka (Rujuk Rajah 9.1). Kelestarian pengeluaran rumbia dipengaruhi adat dalam pelbagai bentuk seperti *palei*, pengetahuan tempatan, peranan rumbia dalam aktiviti ritual kaum Melanau terutamanya sebagai perubatan tradisional, dan kepercayaan kaum Melanau bahawa kebun rumbia berharga sebagai aset budaya berbanding punca pendapatan (Abdul Gapor, 2001). Pengeluaran rumbia bukan sahaja tertumpu kepada kejayaan hasil kebun rumbia malah termasuk kesinambungan keluasan ladang rumbia milik pekebun kecil. Ini juga merangkumi kapasiti jangka masa panjang persekitaran paya gambut untuk mengeluarkan rumbia secara berterusan, termasuk mengekalkan kandungan nutrien dan memulihara hutan paya gambut. Kelestarian juga termasuk kesan pengeluaran rumbia terhadap budaya dan ekonomi komuniti Melanau.

SUMBANGAN PALEI TERHADAP KELESTARIAN PENGELUARAN RUMBIA

Terdapat amalan *palei* yang menyumbang kepada kelestarian pengeluaran rumbia seperti *penawar balau* (penawar perosak) yang merupakan racun perosak semula jadi (Abdul Gapor, 2001). *Penawar balau* berfungsi sebagai racun perosak semulajadi yang menasarkankan perosak seperti monyet, tupai,

tikus dan babi hutan. Empat jenis tumbuhan tempatan dengan ciri-ciri yang berbeza dipilih untuk tujuan tersebut. Tumbuhan tersebut adalah seperti *didek* (tumbuhan yang mengeluarkan bahan kimia yang menyebabkan perosak gatal); tuba (akar berfungsi sebagai racun); pinang dan *akar binak* (mengeluarkan rasa pahit dan mengelakan perosak daripada memakan rumbia). Semua empat jenis tanaman tersebut diletakkan di sekitar anak rumbia pertama semasa proses penanaman dilakukan. Pekebun akan segera pulang ke rumah setelah menanam satu anak rumbia pada hari tersebut. Kerja penanaman akan diteruskan beberapa hari selepas itu, untuk memastikan bahawa taktik tersebut berfungsi. Haiwan yang telah mencuba anak rumbia pertama tidak akan lagi berminat untuk mengganggu seluruh anak rumbia yang baru ditanam. Kaedah alternatif moden yang boleh digunakan untuk membasmi makhluk perosak adalah dengan menembak dan meracun. Selain daripada faktor kos yang rendah dan kurang bergantung kepada input luar, kelebihan utama kawalan perosak semulajadi adalah kerana keupayaannya mengurangkan kesan sampingan. *Palei* yang lain, terutamanya yang berkaitan dengan petanda buruk melalui kaedah melihat atau mendengar haiwan hanyalah cara psikologi untuk komuniti Melanau meningkatkan keyakinan mereka bekerja dalam persekitaran hutan paya gambut yang kadang-kadang merbahaya dan untuk mengukuhkan sistem kepercayaan peribumi mereka. Dengan demikian untuk memastikan kesepaduan sosial dan identiti bersama yang berkekalan.

Hakikatnya, fungsi sebenar kepercayaan tersebut adalah untuk mengawal eksploitasi sumber alam dan untuk mengekalkan penghormatan terhadap order struktur sosial dan alam sekitar. Hanya burung dan haiwan tertentu yang boleh menyampaikan mesej serta mencerminkan pengetahuan komuniti Melanau dalam mengenali keupayaan haiwan dalam ekosistem mereka. *Palei* adalah satu upacara, merangkumi sistem perwakilan Melanau. Ia memberi gambaran kecil tentang cara mereka mengiktiraf alam semula jadi. Satu lagi cara di mana *palei* mengikat hubungan sosial adalah melalui derma wajib setiap rumbia pertama yang ditebang dalam setiap penuaian baru kepada keluarga lain (Abdul Gapor, 2001). *Palei* memupuk semangat muhibah dalam kalangan penduduk kampung dengan mengagihkan semula dan berkongsi hasil tuaian, terutamanya kepada mereka yang memerlukan. Menurut orang tua Melanau, rumbia pertama yang ditebang dalam setiap penuaian baru tidak boleh dimakan atau dijual oleh pemiliknya. Jika tidak, pemiliknya tidak dapat menikmati seluruh hasil yang dituai. Realitinya, *palei* adalah mekanisme pengagihan semula dengan kesan yang sama dengan sistem cukai kerajaan.

Pekebun takut tidak mematuhi *palei* kerana mereka percaya bahawa sesuatu perkara yang buruk akan menimpa mereka jika tidak mengamalkannya. *Palei* juga boleh menjadi mekanisme untuk mengawal eksploitasi berlebihan sumber alam sekitar. Walau bagaimanapun, pengenalan gergaji dalam proses peneuaian telah mengganggu fungsi *palei* sebagai faktor “mengawal” kerana pekebun menebang lebih banyak rumbia setiap kali menuai.

Pedok pula merupakan amalan tradisional khidmat komuniti yang seringkali dilakukan semasa menebang rumbia. *Pedok* merupakan mekanisme yang lebih penting untuk mengagihkan semula pendapatan dalam kalangan komuniti Melanau (Abdul Gapor, 2001). Secara tradisinya, pekebun rumbia yang kaya serta mempunyai keluasan tanaman rumbia yang besar tetapi tidak mempunyai tenaga kerja akan menggunakan khidmat penduduk kampung untuk membantu menebang rumbia. Sebagai ganjaran, pemilik menyumbang satu pertiga daripada hasil tuaian kepada mereka yang membantu. Namun pada hari ini, amalan *pedok* tidak seperti dahulu. Ramai komuniti Melanau bekerja sebagai buruh upah dalam aktiviti menebang rumbia. Ini mencerminkan ekonomi yang semakin berfikat kewangan dan secara perlahan-lahan menggantikan nilai-nilai kerja masyarakat tradisional yang dianjurkan oleh *palei* dan *pedok*.

SUMBANGAN PENGETAHUAN TEMPATAN DALAM KELESTARIAN PENGELUARAN RUMBIA

Pengetahuan tempatan kaum Melanau mengenai alam sekitar dan sistem agronomi rumbia menyumbang kepada kelestarian pengeluaran komoditi tersebut. Pengetahuan tradisional dicerminkan pada semua peringkat penanaman yang bermula daripada pembersihan hutan hingga tahap menebang rumbia (Abdul Gapor, 2001). Teknik pembersihan dan membakar, membuang rumpai, perosak dan menyediakan nutrien penting untuk tanah. Nutrien disediakan melalui proses penguraian yang perlahan daripada baki bahan terbakar yang bertindak sebagai kompos semulajadi. Inundasi yang sering terjadi di kawasan paya gambut daripada tanah tinggi ke kebun rumbia juga membawa nutrien dan mineral untuk membantu tumbesaran pokok rumbia.

Teknik pembakaran yang betul dan mencukupi adalah penting untuk mengurangkan kesan serangga perosak di peringkat seterusnya. Pihak Jabatan Pertanian tidak mengajar tentang teknik pembersihan dan pembakaran.

Sebaliknya, rumpai dan perosak perlu dikawal melalui bahan kimia. Kimia bukan sahaja mahal malah mendatangkan kesan negatif kepada kesihatan dan alam sekitar. Jabatan Pertanian juga tidak menyediakan pakaian pelindung kepada pekebun semasa meracun. Oleh itu, pekebun terdedah kepada pelbagai risiko seperti keracunan bahan kimia. Tidak ada jaminan bahawa racun herba yang digunakan tidak akan menjejaskan tumbuh-tumbuhan lain di kawasan tersebut, terutama tanaman liar yang sering digunakan oleh kaum Melanau, termasuk sebagai makanan. Kebanyakan isi rumah masih bergantung kepada hutan dan sungai untuk bekalan makanan. Aktiviti memetik tumbuhan liar sebagai makanan adalah penting dalam menampung pendapatan isi rumah. Kawalan semulajadi menyumbang kepada kelestarian sosio-ekonomi dengan melindungi tumbuhan liar untuk kegunaan manusia. Perosak juga dikawal dengan membenarkan tumbuh-tumbuhan lain tumbuh di kawasan ladang rumbia. Dari sudut pandang orang luar, pekebun mungkin kelihatan malas kerana rumpai yang dibiarkan tumbuh di kawasan kebun rumbia. Walau bagaimanapun, teknik ini boleh mengawal perosak. Serangga dan herbivor lain mempunyai makanan daripada tumbuhan liar yang terdapat di kawasan rumbia dan ini akan mengurangkan kemusnahan rumbia. Haiwan karnivor juga menjadikan serangga dan herbivor sebagai makanan dan ini akan mewujudkan keseimbangan bekalan makanan di kebun rumbia. Sesetengah pekebun sengaja menanam pokok-pokok berhampiran satu sama lain untuk menyediakan makanan untuk perosak.

Walaupun bagaimanapun, kerja-kerja merumput masih dilakukan apabila pekebun merasakan bahawa rumpai akan bersaing dengan anak rumbia untuk nutrien dan cahaya. Pekebun tidak menolak sepenuhnya kaedah moden tetapi memilih untuk menggunakannya secara minimum, iaitu ketika ia selamat atau penting untuk melakukannya (Abdul Gapor, 2001). Ini bergantung kepada tahap masalah anak rumbia. Petani yang dibekalkan dengan bahan kimia di bawah program subsidi menggunakan racun untuk membuat laluan di ladang untuk akses yang lebih mudah. Mereka juga melakukan eksperimen dengan bahan kimia dan bebas mengubah suai arahan yang diberikan oleh kakitangan Jabatan Pertanian mengikut keperluan budi bicara mereka sendiri. Sebagai contoh, kakitangan tersebut menyarankan bahawa racun perlu digunakan dua tahun selepas penanaman tetapi petani berpendapat bahawa empat tahun adalah masa yang sesuai dengan alasan bahawa pada dua tahun, anak pokok tidak cukup matang atau kebal terhadap kesan racun. Bagaimanapun, pergantungan sepenuhnya pada input luar bermakna peningkatan kos perbelanjaan untuk pertanian. Walaupun subsidi membekalkan baja dan

racun perosak secara percuma, namun seseorang pekebun hanya layak mendapat subsidi pada tempoh paling maksima 12 tahun, bergantung kepada prestasi pekebun. Ini menunjukkan bahawa selepas tempoh itu pekebun terpaksa membeli baja dan racun perosak menggunakan sumber kewangan mereka sendiri. Kehilangan kaedah asli dalam mengawal perosak dan rumpai akan memaksa mereka membelanjakan sumber kewangan pada baja kimia. Serangga perosak dikawal oleh asap hasil daripada pembakaran semasa peringkat penyelenggaraan.

Dalam kes ini, pembakaran berfungsi dua cara iaitu asap digunakan untuk menghalang serangga, sementara abu menyediakan bekalan nutrien yang berterusan kepada rumbia yang semakin membesar. Pembakaran sangat merbahaya dan proses pembakaran yang berjaya memerlukan pekebun yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan teknik pembakaran. Kawalan perosak bukan sahaja dilakukan menggunakan kaedah *palei* dan teknik asli tetapi dikawal secara langsung dengan memakannya terutamanya ulat rumbia. Secara tradisinya, komuniti Melanau memakan ulat rumbia untuk menambah protein. Walau bagaimanapun, pengaruh kepercayaan baru dan aspirasi baru mengubah diet komuniti Melanau. Pemodenan dan pengaruh dari bandar telah mengubah selera makanan mereka. Pada masa akan datang, ulat rumbia akan menjadi masalah perosak utama jika komuniti Melanau berhenti menjadikannya sebagai sebahagian daripada diet mereka. Teknik pembenihan rumbia asli juga menyumbang kepada kelestarian pengeluaran rumbia. Cara pembenihan adalah penting sebagai cara untuk memperbaharui dan mengekalkan populasi stok rumbia (Abdul Gapor, 2001). Teknik asli memastikan kejayaan pembenihan dan pada masa yang sama mengekalkan kesihatan anak rumbia yang lebih tua seperti dalam hal pemotongan dan pemilihan anak rumbia. Penjagaan yang baik diambil dalam memilih anak rumbia, mengikut usia dan kedudukannya berbanding ibu rumbia. Malah usia ibu rumbia juga dipertimbangkan. Kecurian anak rumbia adalah salah satu kesan buruk dari penubuhan ladang rumbia di kawasan itu yang menyumbang kepada kemusnahan anak rumbia yang lebih tua. Masalah kecurian yang berterusan mengganggu cara tradisional mengekalkan stok anak rumbia.

Anak rumbia disemai menggunakan kaedah nurseri terapung yang dibuat daripada batang buloh dan direndam dalam parit (Abdul Gapor, 2001). Reka bentuk nurseri terapung mengambil kira jumlah air yang diperlukan anak rumbia untuk bertahan hidup sebelum dipindahkan ke kebun. Rakit buluh diikat untuk memastikan terdapat ruang yang cukup untuk mengapungkan

anak rumbia supaya terletak tidak terlalu tinggi atau terlalu rendah, tetapi hanya pada ketinggian yang tepat untuk membekalkan air dan udara kepada anak rumbia. Tempoh peralihan ini adalah penting untuk menentukan tumbesaran anak rumbia yang berjaya. Cara pembenihan rumbia oleh komuniti Melanau disahkan sebagai kaedah yang terbaik oleh Jabatan Pertanian. Beberapa kaedah telah diuji iaitu pembenihan daripada benih, dari keratan dan dari kaedah klon oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Keputusan menunjukkan bahawa kaedah yang paling mudah dan tinggi kejayaan adalah pembenihan menggunakan anak rumbia. Akibatnya, kaedah pembenihan di ladang rumbia juga mengikut teknik tradisi komuniti Melanau. Jabatan Pertanian mengesyorkan agar pekebun menanam anak rumbia menggunakan “sistem garis lurus”. Walaubagaimana pun, wujud persoalan mengenai kaedah yang terbaik antara kaedah penanaman tradisional dan moden. Kebanyakan pekebun tidak bersetuju dengan “sistem garis lurus” kerana lokasi tersebut tidak semestinya sesuai untuk ditanam (Abdul Gapor, 2001). Secara tradisinya, seorang pekebun akan menghindari titik penanaman tertentu terutamanya yang mempunyai batang kayu atau akar besar.

Kawasan ini dianggap tidak subur kerana menghalang akar anak rumbia untuk menembusi tanah dan menghalang proses pengakaran dan menghalang penyerapan air. Selain itu, perselisihan mengenai “sistem garis lurus” adalah arahan daripada Jabatan Pertanian untuk mengekalkan kayu yang menandakan anak rumbia yang ditanam. Menurut Jabatan Pertanian, kayu tersebut dijadikan penanda untuk memudahkan merumput, meracun dan mengira jumlah pokok rumbia semasa tempoh permulaannya. Ini bercanggah dengan *palei* yang percaya jika kayu yang digunakan untuk menongkat anak rumbia tidak ditarik, pekebun yang menanam rumbia itu akan mati. Pembebasan kayu tongkat adalah simbolik dengan pembebasan jiwa petani. Semasa peringkat tumbesaran, ada kemungkinan kayu dapat mengganggu atau menghalang sistem akar daripada berkembang sehingga menghalang perkembangan normal tanaman. Kedua-dua contoh ini menunjukkan bahawa walaupun sistem garis lurus seolah-olah sempurna dari segi teori, baik, kemas dan logik, ia kadang-kadang tidak berkesan apabila diaplikasikan dalam konteks dan keadaan tanah tertentu. Kedua-dua contoh ini juga menunjukkan logik sistem tradisional dalam memastikan pertumbuhan anak rumbia yang berjaya yang dilihat Jabatan Pertanian sebagai tidak serasi. Pengetahuan tradisional kaum Melanau adalah dinamik dan kreatif, contoh dalam inovasi alat yang dipanggil “*dayung*” (Abdul Gapor, 2001). *Dayung* adalah kayu yang direka untuk menolak batang rumbia dari kebun ke tempat pengumpulan

keratan rumbia di tepi jalan atau ke dalam parit, sebelum dihantar ke kilang. Jabatan Pertanian menyarankan agar pekebun menggunakan paip *polyvinyl chloride* (PVC) untuk membuat laluan bagi mengalihkan batang yang telah ditebang ke tempat pengumpulan. Walau bagaimanapun, paip bukan sahaja mahal, tetapi sukar diangkut di sekitar kebun. Pengetahuan tempatan yang diamalkan oleh komuniti tempatan adalah menggunakan pelepah daun rumbia yang mudah didapati dalam kebun. Teknik tradisional menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dengan tidak menggunakan sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti PVC. Inovasi “*dayung*” menunjukkan bahawa pengetahuan tempatan berkembang merentasi masa.

NILAI SOSIO-BUDAYA RUMBIA DAN KESANNYA TERHADAP PENGELUARAN RUMBIA

Anak rumbia berperanan sebagai bahan utama dalam perubatan tradisional komuniti Melanau (Abdul Gapor, 2001). Ubat-ubatan tradisional terdiri daripada “patung” iaitu satu bentuk patung yang diukir sebagai simbol atau medium di mana roh-roh yang “jahat” yang menyebabkan penyakit itu disimpan, sebelum dipindahkan ke destinasi utama mereka. Patung dibuat daripada batang rumbia atau daun yang dikenali sebagai *bilum* di Dalat dan Oya serta *dakan* di Mukah. Komuniti Melanau percaya bahawa rumbia memiliki semangat iaitu semangat *balau*. Mereka perlu menggunakan bahan dari rumbia untuk menyembuhkan sebarang penyakit kerana rumbia adalah makanan ruji mereka. Oleh itu, tenaga dan jiwa mereka berasal daripada rumbia. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang berbeza mengenai peranan rumbia sebagai bahan utama untuk membuat patung. Seseengah dukun menegaskan bahawa ia harus dibuat daripada rumbia. Jika tidak, ia tidak akan berfungsi. Sebaliknya, yang lain memberikan sebab yang rasional untuk memilih rumbia menegaskan bahawa sebarang tumbuh-tumbuhan boleh digunakan selagi mantera dan prosedur diikuti dengan betul. Faktor yang menyebabkan rumbia dipilih sebagai bahan untuk membuat *dakan* atau *bilum* kerana rumbia mudah didapati di kawasan petempatan komuniti Melanau.

Kedua, rumbia dipilih kerana teksturnya yang lembut yang mana membolehkan dukun mengukir batang rumbia kepada pelbagai bentuk dengan cepat. Populariti perubatan tradisional semakin menurun dalam kalangan komuniti Melanau, salah satunya disebabkan semakin kurangnya dukun (Abdul Gapor, 2001). Pengetahuan dukun mengenai prosedur ritual dan kemahiran mengukir

bilum atau *dakan* tidak dapat dipindahkan dengan mudah. Dukun semulajadi dilahirkan melalui warisan. Walau bagaimanapun, tidak semua anak dukun boleh mewarisi kemahiran mereka. Bakat ini mungkin diwarisi oleh salah seorang anak atau cucu yang dipilih. Selepas pendedahan kepada dunia yang lebih luas, generasi baru mempunyai aspirasi baru dan tidak berminat menjadi dukun. Ada yang tidak menyedari bahawa mereka berbakat untuk menjadi dukun. Ini merupakan satu lagi faktor kepada penurunan populariti ubat-ubatan tradisional dalam kalangan komuniti Melanau. Dalam aspek ini, akulturasi telah mengurangkan peranan rohani rumbia yang mempunyai kesan tidak langsung terhadap kelestarian pengeluaran rumbia.

POKOK RUMBIA SEBAGAI ASET

Nilai sosio-budaya lain yang tidak dapat difahami dengan mudah oleh pihak luar terutamanya oleh pembuat dasar adalah persepsi komuniti Melanau tentang pokok rumbia sebagai aset. Bagi komuniti Melanau, ladang tersebut lebih penting daripada wang tunai (Abdul Gapor, 2001). Pekebun menebang rumbia bukan sahaja untuk memperoleh pendapatan yang stabil setiap bulan tetapi mengikut keperluan mereka, masa, tenaga kerja dan permintaan daripada pengilang. Bagi mereka, kebun rumbia adalah bank. Persepsi ini berasal daripada budaya masa lalu yang menganggap kebun rumbia sebagai tanda kekayaan dan kekuasaan. Ini kerana sejarah struktur sosial kaum Melanau adalah berdasarkan kepada hierarki sosial (Morris, 1991). Pada masa itu, hanya keturunan yang berpangkat tinggi boleh memiliki kebun rumbia. Hamba dilarang menjadi pemilik. Apabila Brooke muncul pada awal tahun 1860, sistem hierarki telah dimansuhkan. Sejak itu, semua orang boleh membeli dan memiliki kebun rumbia. Sehingga hari ini, pekebun rumbia bangga memiliki kebun rumbia. Oleh itu, tidak mungkin bagi keturunan mereka yang pada awalnya dinafikan pemilikan tanah melepaskan kebun rumbia mereka. Menghargai tanah sebagai aset juga secara tidak langsung menyumbang untuk mengekalkan pengeluaran rumbia di kawasan ini. Walau bagaimanapun, generasi muda yang tidak mengenali konsep sejarah sistem hierarki mudah untuk memajak atau menjual kebun mereka untuk wang. Ini akan menjejaskan pengeluaran rumbia pada masa akan datang. Komuniti Melanau menunjukkan kesyukuran dan kesetiaan bahkan kepada haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Dalam kes pokok rumbia, kaum Melanau menyampaikan penghargaan dan kesetiaan mereka kepada rumbia kerana sumbangannya membantu mereka untuk bertahan semasa Kependudukan Jepun di Sarawak semasa Perang Dunia Kedua (Abdul Gapor, 2001). Kebanyakan warga

tua masih ingat bahawa semua kumpulan etnik lain di Sarawak menderita kerana kekurangan makanan pada masa itu, sementara komuniti Melanau sendiri tidak mempunyai masalah. Pokok rumbia sentiasa ada untuk mereka, sedangkan etnik lain bergantung kepada beras dan sawah mereka dimusnahkan oleh tentera Jepun. Walaupun kejatuhan harga antarabangsa rumbia pada pertengahan tahun 60an, komuniti Melanau terus mengekalkan kebun mereka kerana mereka yakin bahawa rumbia akan membantu mereka di masa depan dan sebagai cara untuk menunjukkan rasa penghargaan.

KESAN AKULTURASI KEPADA KOMUNITI MELANAU

Kesan akulturasi kepada komuniti Melanau memberi pengaruh kepada pengeluaran rumbia (Abdul Gapor, 2001). Sebarang perubahan dalam persepsi komuniti Melanau tentang rumbia akan mempengaruhi kelestarian pengeluaran rumbia. Malah, amalan penggunaan kaedah tradisional semakin menurun dan kebanyakan pekebun masih mengekalkan teknik asli dengan menggabungkan kaedah tersebut dengan kaedah moden (Abdul Gapor, 2001). Pekebun bukan hanya menerima teknik moden, tetapi menyesuaikan alat yang disediakan di bawah skim subsidi mengikut keperluan mereka. Peralihan daripada kaedah tradisional kepada kaedah moden adalah proses yang fleksibel dan tidak berkonflik (Abdul Gapor, 2001). Ini disebabkan adanya hubungan baik antara Jabatan Pertanian dengan pekebun. Daripada mengenakan dasar dengan ketat, para petani diberi kebebasan memilih apa yang terbaik untuk mereka. Di peringkat bawah, pelaksanaannya fleksibel. Untuk penerimaan amalan *palei* dan *pedok* diterima dan terus diamalkan oleh generasi muda, usaha untuk membentangkan dan menjelaskan sebab-sebab di sebalik *palei* dan *pedok* dalam perspektif yang berbeza perlu dilakukan.

Langkah pertama adalah untuk memberikan penjelasan analitik dan rasional yang boleh diterima tanpa bertentangan dengan agama baru, iaitu Kristian dan Islam. Dalam agama Islam dan Kristian, sebarang inisiatif untuk memelihara alam sekitar dengan teknik apa pun tidak salah, selagi niat untuk melakukannya adalah demi kebaikan alam sekitar dan masyarakat. Pada masa yang sama, sebab-sebab di sebalik penjelasan *palei* tidak sepatutnya bergantung kepada kuasa roh jahat kerana menurut agama-agama baru, roh-roh, seperti manusia adalah sebahagian dari ciptaan Allah. Pendidikan formal dilihat sebagai salah satu faktor utama yang menyebabkan kepupusan adat. Ini kerana kanak-kanak diajar di bawah kurikulum kebangsaan sekular yang menggalakkan pembangunan melalui pengkomersialan dan pemodenan,

berbeza dengan adat yang dilihat sebagai unsur mundur yang menghambat matlamat pembangunan. Tidak dapat dielakkan lagi, generasi muda lebih ragu-ragu tentang kesahihan dan kegunaan adat walaupun diberi pendedahan awal melalui ibu bapa dan masyarakat yang lebih tua. Dengan cara yang positif, pendidikan formal telah membolehkan kaum Melanau mencari kerja alternatif dan berpindah ke pusat bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Pekerjaan alternatif dan pendapatan tambahan daripada ahli keluarga yang bekerja di pusat bandar adalah strategi komuniti Melanau bertahan sejak kejatuhan harga rumbia pada tahun 1960an dalam pasaran global.

Reaksi mereka adalah untuk mengurangkan pergantungan kepada rumbia sebagai tanaman kontan. Kaum Melanau menggunakan strategi mempelbagaikan pendapatan sebagai usaha untuk mengekalkan tanaman rumbia, supaya tidak mengalami kesukaran jika harga pasaran jatuh seperti pada tahun 50an dan 60an dahulu. Dengan kata lain, komuniti Melanau sangat berhati-hati untuk tidak bergantung kepada rumbia sebagai sumber pendapatan utama mereka. Strategi ini adalah dengan melibatkan diri dalam pekerjaan alternatif seperti menanam tanaman lain sebagai bekalan makanan dan menambah pendapatan, pendapatan daripada ahli keluarga yang bekerja di luar. Sistem warisan juga membantu mengekalkan pengeluaran rumbia di kawasan tersebut. Kebun rumbia diturunkan dari generasi ke generasi. Kebanyakan mereka yang berhijrah ke pusat bandar akan pulang ke kampung halaman setelah mereka bersara dan terus mengusahakan kebun rumbia. Ketidakesesuaian tanah paya gambut untuk tanaman lain juga membantu mengekalkan pengeluaran rumbia. Pengetahuan tempatan menyumbang kepada kesejahteraan sosio-ekonomi dengan meminimumkan risiko, menyediakan makanan mandiri, membolehkan pertanian kos rendah dan meneruskan sistem pembahagian semula.

RUMUSAN

Aktiviti penanaman rumbia telah membentuk hubungan antara komuniti Melanau dengan alam sekeliling sekaligus membentuk pengetahuan tempatan dan adat yang sangat bermakna dalam kehidupan komuniti tersebut. Pengetahuan tempatan dan adat yang diamalkan dalam kehidupan seharian dan aktiviti penanaman rumbia juga menyumbang kepada kelestarian pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Namun begitu, pemodenan dalam sektor pertanian, proses perbandaran yang pesat dan pengenalan

pelbagai jenis industri baru menyebabkan aktiviti penanaman rumbia semakin suram. Fenomena ini turut menyebabkan pengetahuan tempatan dan adat yang diamalkan dalam aktiviti penanaman rumbia berdepan masalah kepupusan.

RUJUKAN

- Abdul Gapor, S. (2001). *Rural sustainability in Sarawak, The role of adat and indigenous knowledge in promoting sustainable sago production in the coastal areas of Sarawak*, University of Hull, Hull, United Kingdom. (Tidak diterbitkan).
- Amir, J. (1989). Adat resam kaum Melanau. *The Sarawak Museum Journal*, (XL) 61, 209-224.
- Dei, G. J. S., Budd L. H. & D. G. Rosenberg. (2000). *Indigenous knowledges in global contexts: multiple readings of our world*. OISE/UT Book. Toronto: University of Toronto Press.
- DOA Report 1990-1994. *Annual Report of the Research Branch*, Sarawak. Kuching, Sarawak: Department of Agriculture.
- Guerreiro, A.J. (1990). Towards a redefinition of the role of adat in Central Borneo. Dalam: Sutlive, V.H. (ed.) *Change and Development in Borneo*, Selected Papers from the First Extraordinary Conference of the Borneo Research Council, Kuching, Sarawak, Malaysia, August 4-9, 1990. Williamburg, Va.: Borneo Research Council, 129-148.
- Hutterer, K.L. et al. (eds.) (1985). *Cultural values and human ecology in Southeast Asia*. Michigan: University of Michigan.
- Morris, S. (1981). The Melanau view of their environment. *Sarawak Museum Journal*, 39, 27-57.
- Morris, S. 1991. *The Oya Melanau*. Sarawak: Kuching Malaysian Historical Society.

- Nakata, M. (2002). Indigenous knowledge and the cultural interface: Underline issues at the intersection of knowledge and information system. *IFLA Journal*, 28 (5/6), 281-291.
- Pulido, J. S. and Bocco, G. (2003). The traditional farming system of a Mexican indigenous community; the case of Nuevo San Juan Parangaricutiro, Michoacan. *Geoderma*, 111: 249–265.
- Rajasekaran, B. (1993). *A framework for incorporating indigenous knowledge systems into agricultural research, extension, and NGOs for sustainable agricultural development*. Studies in technology and social change, Number 21, Technology and Social Change Program. Iowa State University: Ames, IA.
- Rizwana, S. and Lyaqet (2011). Traditional knowledge used in paddy cultivation in Raipur district, Chhattisgarh. *Indian Journal of Traditional Knowledge*, 10(2): 384-385.
- Semali, L. M. & J. L. Kincheloe (Eds.). (1999). *What is indigenous knowledge? Voices from the academy*. New York and London: Falmer press.
- Tella, R. D. (2007). Towards promotion and dissemination of indigenous knowledge. A case of NIRD. *Int. Inf. Libr. Rev.* 39, 185–193.
- Ylhäisi J. (2003). Forest privatisation and the role of community in forest and nature protection in Tanzania. *Environmental Science & Policy*, 6(3), 279-290.